

Headline	Colour For Life bantu MAF		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V15	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	230 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,462
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,386



Colour For Life bantu MAF

Terdapat pelbagai cara untuk membantu insan memerlukan bagi meringankan beban dan menceriaikan hidup mereka.

Antaranya menerusi sumbangan derma, dana dan tidak dilupa mencurahkan kasih sayang kepada mereka.

Sama ada golongan kurang bernasib baik ini terdiri daripada anak yatim, ibu tunggal, fakir miskin mahupun mereka yang hidup dengan HIV dan Aids, mereka sewajarnya diberi perhatian, bukannya dipandang sebelah mata saja.

Menyedari perkara itu, L'Oreal Professionnel menerusi Bahagian Produk Profesional (PPD) L'Oreal Malaysia tahun ini sekali lagi menganjurkan kempen Colour For Life dan memilih untuk membantu Yayasan Aids

Malaysia (MAF).

Kempen mengumpul dana ini bertujuan meningkatkan kesedaran di samping

menentang prejudis dan diskriminasi terhadap penghidap Aids. Ia berlangsung di seluruh negeri yang memiliki cawangan salon dan rakan kongsi mereka.

Selepas kejayaan kempen pada 2002 dan 2007, L'Oreal Professionnel berkeyakinan kempen ini akan mencapai objektifnya buat kali ketiga bagi memberi kegembiraan kepada golongan yang hidup dengan HIV dan Aids terutama kanak-kanak.

Pengurus Besar PPD, Heng Thang Yih berkata, kali ini pihaknya bekerjasama

dengan lima duta artistik L'Oreal Professionnel dan lima pereka fesyen tempatan yang akan memilih personaliti atau selebriti untuk diwarnakan rambut mereka serta menghasilkan rekaan baju-T untuk kempen berkenaan.

"Kami sangat gembira dapat bekerjasama dengan mereka yang sanggup melakukan apa saja demi me-

lihat individu lain gembira. Peluang bekerjasama dengan pereka seperti Datuk Jimmy Choo, Tom Abang Saufi, Eric Choong, Winnie Sin dan Royal Selangor ternyata sesuatu yang amat berharga.

"Pada masa sama, kami ingin menjalin kerjasama

dengan rakan kongsi salun untuk tujuan kebajikan dengan menyediakan lokasi buat mereka melakukan satu perubahan dalam kehidupan kanak-kanak itu," katanya.

Kempen ini juga memberi ruang kepada orang ramai untuk turut menderma dengan membeli beg tote rekaan khas pada harga RM25 yang boleh didapati di salon L'Oreal Professionnel.

Pada majlis penutupan kempen ini pada Oktober depan, orang ramai boleh mendapatkan khidmat pereka rambut profesional untuk memotong rambut mereka pada harga RM20 saja.



BAJU-T rekaan khas Jimmy Choo, Eric Choong, Tom Abang Saufi, Winnie Sin dan Royal Selangor.